

# Malaysia Airlines mantapkan perkhidmatan penumpang

➔ Syarikat penerbangan, Amadeus jalin kerjasama

Oleh Mahanum Abdul Aziz  
mahanum\_aziz@bh.com.my

**M**alaysia Airlines Bhd menjalin kerjasama strategik dengan Amadeus, peneraju penyedia penyelesaian teknologi maju industri pengembaraan global dalam mempertingkatkan perkhidmatan kepada pelanggannya.

Kerjasama strategik itu akan tertumpu dalam mem-

pertingkatkan perkhidmatan penumpang, membangunkan aliran pendapatan baharu dan menambah baik pengalaman membeli-belah dalam kalangan penumpang Malaysia Airlines.

Dengan kerjasama strategik itu, syarikat penerbangan nasional Malaysia itu akan mengguna pakai sepenuhnya Sistem Perkhidmatan Pelanggan (PSS) Amadeus Altéa, dalam mengurus dan menambah baik proses teras penumpang, termasuk tempahan, inventori dan kawalan pelepasan.

### Sistem baharu termaju

Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Airlines, Peter Bellew, berkata Amadeus Altéa adalah sistem baharu termaju yang membolehkan pelanggan syarikat pener-



Saya yakin Amadeus dan teknologinya membolehkan kami menyelaraskan operasi"

**Peter Bellew,**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Malaysia Airlines

BH  
27/10/16  
MS - B5

bangun itu membuat tempahan tiket penerbangan seluruh dunia pada nilai hebat dengan mudah.

Beliau berkata, Amadeus menawarkan pengalaman tempahan menerusi internet serta aplikasi mudah alih canggit menepati keperluan pelanggan yang mahukan pengalaman lebih pantas daripada tempahan tiket, prabelian akses bagasi, makanan serta mengurus mata kesetiaan, semuanya dengan satu butang.

"Teknologi berperanan penting dalam transformasi Malaysia Airlines dan saya yakin Amadeus dan teknologinya membolehkan kami menyelaraskan operasi dan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan," katanya dalam kenyataan semalam.